



Mohammad (tiga dari kiri) meninjau kendera saji selepas merasmikan Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Food Truck di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Pengusaha 'food truck' wajib patuh arahan bomba

Putrajaya: Pengusaha kendera saji atau *Food Truck* akan diwajibkan mematuhi garis panduan keselamatan kebakaran, yang ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat sebelum dibenarkan beroperasi.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Mohammad Mentek, berkata pematuhan terhadap garis panduan itu penting sebagai langkah pencegahan kebakaran, dalam kalangan kendera saji dan sekelilingnya termasuk pelanggan dan ken-

deraan berhampiran.

"Seperti mana yang kita tahu, pengusaha kendera saji memasak makanan di atas trak, jadi sudah tentu aspek keselamatan perlu dititikberatkan," katanya selepas merasmikan Garis Panduan Keselamatan Kebakaran *Food Truck* di sini, semalam.

Katanya, sembilan kebakaran membabitkan kendera saji direkodkan dalam tempoh 2017 hingga Ogos tahun ini, yang mana antara punca kebakarannya ialah kedudukan tong gas memasak yang berdekatan dengan generator.

Katanya, selain menda-

patkan maklum balas daripada persatuan pengusaha kendera saji, KPKT juga akan berbincang dengan agensi berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan pihak berkuasa tempatan (PBT), berhubung kewajiban pematuhan garis panduan itu.

"Buat masa ini, kita bagi galakan (patuhi garis panduan), mungkin kita boleh berbincang dengan PBT khususnya supaya garis panduan ini dijadikan sebagai syarat-syarat lesen perniagaan," katanya.

BERNAMA